



## Transformasi Sekolah (TS25): Sokongan Persatuan Ibu Bapa Guru Komuniti Pendidikan Orang Asli

Azman Kanil<sup>1</sup>, Ismail Hashim<sup>2</sup> & Mohd Ibrohim Md Taha<sup>3</sup>  
Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka

### Article Info

**Received:**  
14 September 2019

**Accepted:**  
25 September 2019

**Publish**  
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

Kertas konsep ini dibentangkan untuk menilai tentang tahap sokongan PIBK terhadap kemajuan pendidikan murid-murid orang asli di SK Cherana Putih Melaka. Perspektif penting keberhasilan utama Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) dilihat dari aspek kualiti sekolah dan juga kualiti kemenjadian murid. Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil langkah penting memperkenalkan program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) dengan memilih sekolah tertentu di negara ini secara berperingkat-peringkat sebagai usaha meningkatkan kemenjadian murid dan kualiti sekolah. TS25 adalah satu usaha melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna, disokong kepimpinan yang berkualiti atau berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu. Usaha menterjemahkan kecemerlangan sekolah dalam aspek peningkatan kualiti murid dan sekolah tidak akan tercapai sekiranya tanpa sokongan yang jitu daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah dan komuniti setempat. Program transformasi sekolah perlu disekalikan dengan penglibatan aktif ibu bapa dalam aktiviti dan kegiatan termasuk membantu dalam pembelajaran murid-murid di sekolah. Perkara ini selari dengan program Sarana Ibu Bapa yang merupakan suatu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara Malaysia. Sarana Ibu bapa dapat meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di sekolah di samping membantu ibu bapa meningkatkan penglibatan mereka dalam pembelajaran anak-anak. PIBG sebagai sebuah organisasi yang berwibawa boleh menubuhkan tabung pendidikan untuk pembangunan pelajar sama ada berkaitan pembangunan akademik atau kokurikulum para pelajar ataupun juga untuk melengkapkan prasarana pendidikan di sekolah. Peranan PIBG dan komuniti bukan lagi sebagai entiti sampingan malah ia kini menjadi keutamaan untuk menyokong proses agar pengajaran pembelajaran dan kemudahan prasarana sekolah khususnya di sekolah yang dididrikan dalam masyarakat orang asli menjadi lebih berkesan dan mencapai kejayaan cemerlang.

**Kata kunci:** Transformasi sekolah (TS25), sarana PIBG, kemenjadian murid dan kualiti sekolah


## Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan pada 6 September 2013 dengan memberi fokus kepada pendidikan, meningkatkan kualiti, merapatkan jurang pencapaian, mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar serta mengoptimalkan kecekapan sistem. Ia juga dirangka untuk mewujudkan visi dan aspirasi sistem pendidikan negara bagi 13 tahun akan datang dan menggariskan program transformasi pendidikan yang meliputi keseluruhan sistem pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2012). Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai visi dan misi yang sama untuk hala tuju pencapaian pendidikannya namun terdapat pelbagai program yang dilaksanakan mengikut jenis aliran pengurusan pentadbiran seperti aliran sekolah berasrama penuh, sekolah aliran agama, sekolah aliran sains, sekolah aliran teknik dan vokasional dan juga sekolah harian biasa. Majoriti pelajar mendapat pendidikan dengan mengikuti sekolah harian sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Sistem pendidikan sekolah rendah yang terdiri daripada 3 aliran utama iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan tamil (SJKT) menjadi pilihan utama dalam masyarakat kerana kemudahan dari aspek kedudukan sekolah dan terletak berhampiran dengan petempatan penduduk. Kemajmukan pelajar di sekolah kebangsaan agak ketara kerana mereka terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama termasuklah pelajar-pelajar dari anak-anak orang asli. Justeru bagi memperkasakan pendidikan sekolah rendah, KPM telah memperkenalkan program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang dilakukan secara berperingkat bermula tahun 2016. Mengikut pelan perancangannya semua sekolah di bawah kendalian KPM akan melaksanakan program TS25 ini pada tahun 2025.

Kesimpulannya, program TS25 yang diperkenalkan ini diharap dapat melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, kepimpinan sekolah yang berkualiti, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi serta komitmen yang padu dari komuniti tempatan.

## Tujuan Kertas Konsep

Salah satu program yang diilhamkan pelaksanaannya di semua sekolah rendah harian KPM selaras dengan PPPM 2013-2025 ialah pelaksanaan program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Program ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 2/2015 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Januari 2015. Antara objektif program Transformasi Sekolah ini termasuklah mengaplikasi konsep dan amalan PdP terbaik, membangunkan kepakaran dalaman sekolah melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing pedagogi serta pembimbing kepimpinan dan membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan kemenjadian murid. Justeru latihan dan bimbingan secara tuntas telah menumpukan kepada aspek kemenjadian murid dan juga pembangunan sekolah berkualiti.



Rajah 1: Hala tuju PPPM (2013-2025) KPM

Rajah 1 menunjukkan hala tuju akhir yang ingin dicapai oleh KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015. Intipati PPPM menggariskan bahawa setiap individu warganegara Malaysia, berhak mendapat akses yang sama kepada pendidikan berkualiti bagi membolehkan mereka mencapai prestasi masing-masing tanpa mengira taraf ekonomi, etnik atau latar belakang.

Program ini yang memberi fokus kepada latihan dan bimbingan kepada pemimpin sekolah dan juga guru-guru. Namun begitu latihan terus secara terancang kepada kumpulan sokongan sekolah seperti Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) dan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) masih belum dilakukan. Kebanyakan program-program yang dilaksanakan untuk kumpulan PIBG, PIBK dan KSIB adalah atas inisiatif sendiri. Justeru, kertas konsep ini bertujuan untuk menilai tentang tahap kesedaran ahli PIBG, PIBK dan KSIB di SK Cherana Putih Alor Gajah Melaka terhadap kemajuan pendidikan dan pembangunan diri anak-anak mereka di sekolah. Umumnya, masyarakat setempat seperti ibu bapa dan komuniti masih lagi tidak faham peranan yang perlu mereka mainkan bagi memudahkan kejayaan pencapaian pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum dan juga kemenjadian diri pelajar.

### **Pernyataan Masalah**

Sehingga tahun 2019, pelaksanaan program TS25 telah memasuki 4 tahun pelaksanaan yang bermula pada tahun 2016. Program penyebaran kefahaman dan pemantapan latihan TS25 melalui modul-modul latihan ini menekankan betapa kerjasama antara organisasi pendidikan di bawah payung Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Institut Minudin Baki (IAB), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah adalah sangat penting untuk kejayaan pencapaian objektif yang disasarkan dalam program ini. Pelaksanaan dan pemantapan kefahaman berkaitan TS25 ini telah berjalan dengan baik. Latihan yang memberi fokus kepada kumpulan pentadbir sekolah dan juga guru-guru telah dilaksanakan secara terancang.


Namun begitu, setelah empat tahun TS25 ini dilaksanakan, fokus latihan dan bimbingan kepada kumpulan sokongan seperti PIBG, PIBK dan KSIB masih lagi belum jelas. Anjakan ke Sembilan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan bahawa penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta perlu diperluaskan dan diperkasakan peranannya. Perubahan persekitaran pendidikan semasa menuntut pelibatan ibu bapa, komuniti malah pihak swasta yang lebih aktif. Sekolah digalakkan untuk mendapatkan kerjasama secara sukarela daripada pertubuhan kerajaan mahupun swasta dalam komuniti bagi memperluaskan lagi ekosistem pembelajaran murid-murid. Peranan ibu bapa sebagai rakan kongsi perlu diperkasakan untuk meningkatkan keberhasilan anak-anak mereka. Ibu bapa didapati kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka terutamanya semasa peringkat sekolah menengah (Mohd. Sahid & Mustaffa, 2008). Ini mungkin disebabkan ibu bapa kerap menganggap anak-anak mereka telah besar dan mampu menguruskan diri sendiri.

Walaupun dapat dilihat beberapa penglibatan pihak NGO dan komuniti dalam aktiviti PIBK di peringkat daerah dan sekolah, namun ianya masih tidak secara menyeluruh dan berterusan. Justeru, sasaran untuk memberi kesedaran kepada pihak masyarakat secara menyeluruh khususnya di kawasan kampung, pedalaman dan khususnya di kawasan petempatan orang asli tidak tercapai. Selain itu, peranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mempromosikan TS25 kepada masyarakat perlu dipertingkatkan. Pihak KPM perlu lebih peka dan turun padang dalam usaha untuk memastikan penyampaian maklumat tentang TS25 kepada masyarakat luar yang masih tidak tahu malah tidak pernah mendengar apa itu TS25 adalah

berkesan. Tidak dinafikan, kita dapat melihat beberapa IPGK yang aktif dalam aktiviti untuk mempromosikan TS25 namun, perancangannya masih belum jelas dan menampakkan kejayaan. Golongan PIBK yang membanjiri program-program seperti ini pula kebanyakannya adalah golongan atasan dan pertengahan. Maka, penyampaian maklumat kepada masyarakat umum sehingga ke akar umbi itu masih belum terlaksana dengan sempurna. Jika dilihat daripada aspek penerimaan maklumat dalam kalangan ibu bapa sebagai ketua institusi bagi sebuah keluarga pula, masih ramai yang kurang jelas tentang TS25 dan kepentingannya dalam pembangunan kemenjadian murid. Justeru, pendedahan tentang TS25 kepada golongan ibu bapa adalah amat penting. Rentetan itu, ibu bapa dan pihak komuniti mungkin tidak dapat melihat serta memahami dengan jelas peranan mereka dalam pembentukan kemenjadian murid di sekolah. Oleh itu ibu bapa dan komuniti hanya mengharapkan guru-guru sebagai faktor dominan dan terpenting dalam memberi didikan yang sempurna kepada pelajar. Justeru kesedaran ibu bapa terhadap peranan dan tanggungjawab yang perlu mereka berikan dalam kejayaan anak-anak di sekolah perlu diberi perhatian.

Hal ini juga turut disokong oleh situasi sebenar yang berlaku di sekolah. Didapati pihak sekolah memainkan peranan penting untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan komuniti tentang TS25 yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah harian KPM. Namun begitu, kebanyakan maklumat terkini yang ada tidak sampai kepada ibu bapa. Disebabkan itu, ibu bapa dan komuniti serta para pelajar terutamanya tidak mendapat pendedahan yang sepatutnya tentang usaha yang dijalankan oleh pihak KPM dalam mempromosikan TS25 kepada pelajar dan komuniti ibu bapa. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan oleh Halimah (2014), ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan, agensi swasta, NGO dan masyarakat global memainkan peranan penting dalam mewujudkan pelbagai pengalaman pembelajaran yang bermakna untuk murid-murid. Kesan daripada itu, ia menunjukkan bahawa pendedahan tentang program TS25 dalam kalangan ibu bapa dan komuniti di sekolah perlu dilaksanakan. Hal ini secara langsung menyumbang kepada pengetahuan, kesedaran dan minat untuk menyumbang terhadap program TS25 apabila mereka berkelapangan.

### Transformasi Sekolah 2025 (TS25)



Rajah 2: Model Transformasi Sekolah Kemeterian Pendidikan Malaysia

Rajah 2 yang menunjukkan Model Program Transformasi Sekolah (TS25) KPM. KPM telah memperkenalkan program ini yang mula dilaksanakan di sekolah harian bermula pada tahun 2016. Tiga komponen utama TS25 iaitu pemimpin berkesan, guru berkualiti dan sokongan PIBG dan komuniti. Antara fokus utama program ini ialah untuk mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015. Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Ia adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, kepimpinan sekolah yang berkualiti dan berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu. Antara objektif TS25 ialah mengaplikasikan konsep dan amalan PdPc terbaik, membangunkan kepakaran dalaman melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing pedagogi serta pembimbing kepimpinan dan membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan kemenjadian murid.

Berdasarkan kepada tiga objektif Program TS25 tersebut, maka KPM telah menetapkan tiga matlamat utama yang perlu dicapai oleh semua sekolah di Malaysia pada tahun 2025, iaitu;

- Memantapkan kepimpinan sekolah.
- Memaksimumkan potensi guru dan murid menerusi peningkatan kualiti pembelajaran dan pengajaran.
- Mengukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan demi kejayaan murid.

### **Sokongan Komuniti**

Elemen sokongan PIBG dan komuniti adalah merujuk kepada 3 komponen yang sedia ada di sekolah iaitu Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) dan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB). Masih wujud kekeliruan dalam kalangan masyarakat antara ketiga-tiga kumpulan sokongan tersebut. Malah ada pihak yang tersalah anggap dan menyangka PIBG sudah tidak wujud tetapi digantikan dengan PIBK. Hakikatnya PIBG tetap kekal hingga hari ini seperti mana penetapan dalam Akta Pendidikan yang tertakluk di bawah Perlembagaan PIBG digubal Peraturan-peraturan PIBG 1998. Maklumat yang tepat mengenai kewujudan dan penubuhan PIBG di sekolah boleh dirujuk Surat Pekeliling Ikhtisas KPM SPI 4/2004 dan Sub Peraturan 7(2). Manakala PIBK merupakan inisiatif penting di bawah Anjakan ke 9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 hingga 2025). Ia satu daripada 11 Anjakan yang terkandung dalam dasar pendidikan terbaru. Sementara itu Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) pula ialah biro baru yang diwujudkan di bawah PIBG mulai 2013 selain daripada Biro Maklumat. Penubuhan PIBK adalah berdasarkan 4 pernyataan hasrat iaitu yang pertama agar ibu bapa terlibat dalam aktiviti sekolah. Hasrat ke dua ialah diharapkan ibu bapa akan menjadi rakan yang aktif dalam pembelajaran murid-murid di sekolah. Hasrat ke tiga ialah Ibu bapa dan komuniti akan memberikan sumbangan (kewangan, sumber tenaga/kemahiran/khidmat nasihat) kepada sekolah dan ke empat pula ialah pelibatan ibu bapa dan komuniti dapat memainkan peranan secara aktif dalam usaha meningkatkan prestasi sekolah.

Penubuhan PIBK adalah untuk mencapai lima objektif utama iaitu melengkapkan setiap ibu bapa bagi membantu pembelajaran anak mereka melalui sarana pelibatan ibu bapa dan akses dalam talian kepada kemajuan anak di sekolah, kedua ialah menyediakan rangkaian komuniti sebagai rakan yang mampu memberi sumbangan kepakaran untuk kemajuan sekolah, ketiga ialah untuk meningkatkan kesediaan ibu bapa, komuniti dan masyarakat sebagai rakan dalam membantu pembelajaran murid. Objektif PIBK ke empat ialah untuk membantu pihak sekolah dengan kerjasama PIBG bagi merancang aktiviti atau program sekolah yang boleh melibatkan pihak

berkepentingan secara aktif dan berkesan dan ke lima ialah menyediakan ibu bapa dan komuniti sebagai rakan yang aktif dalam proses pembelajaran murid di sekolah. Penunjuk pencapaian PIBK ini adalah berdasarkan kehadiran ibu bapa dalam 6 aktiviti utama sekolah iaitu Hari Pendaftaran, Hari Penetapan Target, Mesyuarat Agung PIBG, Hari Pelaporan, Hari Sukan dan Hari Anugerah Kecemerlangan.

Isu dan Langkah Untuk Meningkatkan Sokongan PIBK Terhadap Pendidikan Orang Asli. Secara realitinya di Malaysia masih terdapat sebilangan kecil masyarakat yang masih tercicir dalam bidang pendidikan berbanding dengan kaum lain dan masyarakat yang dimaksudkan ialah masyarakat Orang Asli (Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil, Rosmiza Mohd Zainol, 2014). Dua isu utama pendidikan dalam kalangan anak-anak orang Asli selain daripada faktor ekonomi, geografi, personaliti individu, serta faktor masyarakat iaitu isu ketidakhadiran di sekolah dan anak-anak yang tidak bersekolah. Kehadiran pelajar Orang Asli ke sekolah amat membimbangkan sehinggakan sesetengah pelajar hampir sebulan tidak ke sekolah kerana komitmen yang memerlukan mereka untuk menjaga adik di rumah sementara ibu bapa bekerja dan mengikut ibu bapa ke hutan untuk mengumpul hasil hutan.

Masalah ketidakhadiran pelajar di SK Cherana Putih Alor Gajah Melaka juga menjadi fokus utama kepada pentadbiran sekolah. Faktor utama yang menyumbang kepada isu ini adalah disebabkan oleh kenderaan ke sekolah. Petempatan utama masyarakat Orang Asli di kawasan ini ialah di Bukit Payung Alor Gajah. Jarak perjalanannya dari rumah ke sekolah hampir 5 kilometer. Kenderaan utama untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah ialah sebuah bas yang dikendalikan oleh Tok Batin. Bas yang sama juga digunakan untuk menghantar Orang Asli dari perkampungan ini untuk bekerja di kilang. Hal ini semakin ketara khususnya ketika hari hujan ramai murid Orang Asli tidak hadir ke sekolah kerana mereka sukar pergi ke tempat menunggu bas kerana lokasinya jauh dari rumah. Selain itu ada murid yang tertinggal bas ke sekolah kerana bas bertolak dari Kampung Bukit Payong seawal pukul 6:00 pagi.

Jadual 1 Analisis Bilangan Murid Orang Asli SK Chelana Puteh Tahun 2017-2019

TAHUN	MURID LELAKI	MURID PEREMPUAN	JUMLAH MURID
2017	42	39	81
2018	34	36	70
2019	41	42	83
JUMLAH	117	117	

Jadual 1 menunjukkan bilangan murid orang Asli di SK Cherana Puteh Alor Gajah dari tahun 2017 hingga 2019 iaitu seramai 234 orang. Bagi mengatasi masalah ketidakhadiran pelajar Orang Asli ke sekolah ini, pihak sekolah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), PIBG dan polis telah mengadakan kursus peningkatan komitmen ibu bapa dan penjaga untuk memastikan anak-anak mereka hadir di sekolah. Penceramah yang menyampaikan tajuk ini ialah kaunselor daripada Jabatan Pendidikan daerah Alor Gajah. Walau bagaimanapun kehadiran dalam kalangan ibu bapa Orang Asli tidaklah ramai seperti yang diharapkan. Hanya 12 orang yang dapat hadir daripada 35 orang yang diundang.

Jadual 2 Analisis Ibu bapa dan penjaga dalam 5 aktiviti di SK Chelana Puteh

BIL	AKTIVITI	JUMLAH YANG HADIR	JUMLAH YANG SEPATUTNYA HADIR	PERATUS KEHADIRAN
1.	Hari Pendaftaran	25	30	83.3
2.	Mesyuarat Agung PIBG	106	140	75.7
3.	Hari Pelaporan	55	78	70.5
4.	Hari Sukan Tahunan	101	140	72.1
5.	Hari Anugerah Cemerlang	55	78	70.5

Jadual 2 menunjukkan kehadiran ibu bapa dan penjaga dalam lima aktiviti utama PIBK di sekolah ini. Data di atas menunjukkan bahawa ibu bapa dan penjaga memberikan kerjasama dan komitmen untuk hadir dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Ini kerana kehadiran mereka melebihi daripada 65 peratus seperti yang ditetapkan oleh KPM.

Selain daripada isu kehadiran ibu bapa dan komuniti dalam aktiviti akademik dan bukan akademik di sekolah, penglibatan mereka dalam membantu menambah kewangan juga adalah sangat diharapkan. Walaupun kebanyakan ibu bapa dan penjaga di SK Cherana Putih ini bekerja sendiri dan tidak mempunyai pendapatan tetap, namun mereka masih boleh menyumbang duit ikut kemampuan di samping membantu mencari dana daripada pihak-pihak yang lain. Seiring dengan langkah KPM dalam mempromosikan program TS25 sebagai satu program yang akan dapat membina kemenjadian murid pada masa hadapan, pelbagai strategi dan pendekatan telah diperkenalkan untuk memastikan sasaran kejayaan program TS25 pada tahun 2025 khususnya dengan memperkasakan peranan komuniti sokongan di sekolah. Fokus program TS25 dalam penetapan hala tuju untuk mengaplikasikan konsep dan amalan PdP terbaik akan dapat dijayakan dengan sokongan daripada PIBG dan komuniti. Walaupun guru-guru yang terlatih akan melaksanakan PdP dalam bilik darjah namun PIBG dan komuniti dapat membantu dalam aspek menyediakan prasarana yang sesuai untuk pedagogi masa kini seperti penyediaan alat tayang (LCD). Bukan semua sekolah khususnya di luar bandar mempunyai kemudahan alat teknologi pengajaran yang terkini, namun dengan bantuan PIBG dan komuniti kemudahan alat digital tersebut boleh diadakan. Penggunaan peralatan digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu menggalakkan pelajar berfikir kreatif dan inovatif. Selain itu, ia juga boleh memperbanyakkan sesi inkuiri antara pelajar dalam bidang ilmu sains dan teknologi yang sekaligus dapat melahirkan pelajar yang dinamik, kreatif dan berdaya saing pada masa kini. Selain itu, melalui adanya alat-alat digital ini pelajar mampu mengukuhkan lagi asas kemahiran sains mereka dimana pelbagai aktiviti secara 'hands-on' dilakukan dalam menarik minat mereka serta mewujudkan daya pemikiran kritis dan kreatif yang lebih tinggi dan terbuka.

## Kesimpulan

Majoriti ahli masyarakat sedar bahawa orang Asli merupakan golongan yang masih terpinggir dari arus pendidikan negara. Sehubungan itu pendidikan kepada golongan minoriti ini memerlukan pelbagai strategi dan dasar yang dirangka bagi meningkatkan penyertaan pelajar orang asli dan mengurangkan keciciran mereka dalam pendidikan. Pelbagai dasar digubal yang mesra dengan kehidupan orang Asli telah menunjukkan kejayaan melalui peningkatan penyertaan orang Asli dalam pendidikan peringkat IPT. Trend sebegini memberi gambaran bahawa hasrat kerajaan untuk melahirkan orang Asli yang berjaya menyertai bidang pendidikan sehingga peringkat tertiar menunjukkan hasil yang positif.

Walau bagaimanapun masalah keciciran dalam kalangan anak-anak orang Asli masih berlaku apabila terdapat kanak-kanak orang Asli yang gagal meneruskan pendidikan mereka ke peringkat sekolah menengah. Keciciran ini ketara berlaku apabila pelajar yang tamat tahun enam sekolah rendah tidak berminat untuk menyambung pelajaran pada peringkat sekolah menengah. Masalah ini seterusnya menyumbang kepada kurangnya penyertaan pelajar orang asli di untuk menyertai pendidikan di peringkat tertiar. Selain masalah keciciran, masih wujud isu lain yang turut menghalang pelajar orang asli mendapat pendidikan yang sewajarnya. Kajian lanjutan perlu dilakukan bagi memantau masalah-masalah yang membelenggu masyarakat orang asli terutamanya golongan pelajar. Namun begitu, sehingga sekarang kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan dan pihak berwajib seharusnya memastikan penyampaian kepada bantuan dan kemudahan seharusnya lebih telus supaya kebajikan dan hak golongan ini mendapatkan perkhidmatan terpelihara. Oleh itu, selaras dengan usaha kerajaan melalui KPM yang memperkenalkan program Sekolah Transformasi (TS25), usaha untuk memberikan kesedaran kepada semua pihak perlu dipertingkatkan. Bantuan, sokongan dan latihan kepada ibu bapa, penjaga, komuniti dan pihak sekolah serta media massa perlu digembelngkan dalam usaha ini agar matlamat yang telah disasarkan dalam kemajuan pendidikan orang Asli di peringkat kebangsaan dapat dicapai demi kebaikan negara bangsa pada masa hadapan.

## Rujukan

- Halimah, B. A. M., Eow, Y. L., & Chuah, B. E. (2013). Budaya Awal Pagi Membentuk Kemenjadian Murid SMK Putrajaya Presint 11(1). Dalam Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Kali ke- 20 Tahun 2013. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki
- Halimah, B. A. M., Eow, Y. L., & Chuah, B. E. (2014). Model pendidikan berkualiti 6S. *Jurnal Pendidikan MPSM*, 2014(1), 145–164.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Program pemantapan sarana ibu bapa dan sarana sekolah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. Retrieved from [http://jpn.moe.gov.my/jpnmelaka/images/Bahan\\_Pemantapan\\_sarana\\_Ibu\\_bapa\\_dan\\_Sekolah.pdf](http://jpn.moe.gov.my/jpnmelaka/images/Bahan_Pemantapan_sarana_Ibu_bapa_dan_Sekolah.pdf)
- M. Al Muz-Zammil, B. Y., & Moong, S. K. (2010). Peranan ibubapa dalam Persatuan Ibubapa dan Guruguru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kulai, Johor. *Skudai: Universiti Teknologi Malaysia*.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol (2014). Mengupas Keciciran Pelajar Orang Asli Malaysia: Satu Tinjauan ke dalam Isu Aksesibiliti Sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 Issue 5 (107-122) © 2014, ISSN 2180-2491
- Mohd. Sahid, M. F., & Mustafa, M. S. (2008). Penglibatan ibu bapa dalam membantu membuat kerja rumah (matematik) di kalangan pelajar tingkatan dua: Satu tinjauan di sebuah sekolah menengah di daerah Muar. In *Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains & Matematik 2008*, 11 - 12 Oktober 2008, Universiti Teknologi Malaysia. Johor Bahru
- Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan. (2015). Peluasan pelaksanaan pelibatan ibu bapa & komuniti (PIBK): Kejayaan dan harapan. *Buletin Anjakan: Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia*.